

**TATACARA PELANTIKAN BAGI JAWATANKUASA PENDUDUK PERINGKAT
TAMAN-TAMAN DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**

1. TUJUAN

Tujuan kertas kerja ini adalah bagi menimbangkan tatacara pelantikan bagi Jawatankuasa Penduduk peringkat taman-taman di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kluang.

2. OBJEKTIF

1. Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, bermuafakat, dan harmoni di dalam kawasan taman-taman perumahan.
2. Membantu melahir dan mengembeling idea dengan Pihak Berkuasa Tempatan melalui semangat perkongsian bijak bagi menghasilkan mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian yang berkesan.
3. Meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program-program yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
4. Sebagai saluran informasi bagi menyampaikan keperluan dan kebajikan penduduk.
5. Menyokong setiap dasar program dan hasrat kerajaan supaya dapat difahami dan dihayati oleh setiap penduduk.
6. Mewujudkan suasana bersih, indah, sejahtera dan selamat serta memupuk semangat kekitaan di dalam kawasan taman perumahan.

3. FUNGSI

1. Mengeratkan sillaturrahim di kalangan masyarakat setempat.
2. Bekerjasama di dalam memelihara keindahan, keceriaan dan taman-taman perumahan.
3. Mewujudkan suasana persekitaran yang selamat di kawasan taman-taman perumahan.
4. Mengenal pasti dan memaklumkan masalah-masalah yang terdapat di dalam kawasan taman-taman perumahan.
5. Mengatasi dan mengawal gejala sosial dengan menerapkan nilai-nilai murni dan budaya hidup sihat di kalangan masyarakat.
6. Membantu menyampaikan dasar-dasar serta penglibatan masyarakat di dalam melaksanakan program-program kerajaan.
7. Menggiatkan aktiviti sosial, kesukanan dan kemasyarakatan di kawasan perumahan.

8. Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan penjagaan dan pemuliharaan kebersihan, keceriaan dan kesihatan di kawasan taman-taman perumahan.
9. Memastikan keberkesanan dan penglibatan penduduk tempatan di dalam Program-Program Gerak Mesra/Local Agenda 21 anjuran Pihak Berkuasa Tempatan.
10. Mewujudkan sikap kepunyaan (self-belonging) masyarakat terhadap harta-harta awam.
11. Membantu di dalam menyediakan maklumat asas kependudukan (inventori) di dalam taman-taman perumahan.

4. KRITERIA

1. Kawasan yang ditentukan oleh Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan.
2. Jumlah perumahan tidak melebihi 1000 unit / tidak kurang daripada 40 unit.
3. Bagi satu kawasan rumah pangsa hendaklah diwujudkan satu jawatankuasa sahaja.

5. SYARAT-SYARAT PENUBUHAN JAWATANKUASA PENDUDUK DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

1. Pengerusi jawatankuasa taman-taman **hendaklah** dilantik/dipilih oleh penduduk di kawasan tersebut dan bukannya daripada lantikan politik.
2. Ahli Majlis yang mewakili zon dimana jawatankuasa tersebut berada hendaklah menjadi penasihat kepada Jawatankuasa Penduduk berkenaan.
3. Menubuhkan biro-biro seperti berikut:
 - a. Biro Keselamatan
 - b. Biro Gaya Hidup Sihat
 - c. Biro Pembangunan Sosial
 - d. Biro Keindahan dan Keceriaan
 - e. Biro Belia dan Sukan
 - f. Biro Ekonomi.
4. Keahlian jawatankuasa tidak kurang 14 orang dan tidak melebihi 30 orang tidak termasuk pengerusi.

6. SYARAT-SYARAT KEAHLIAN JAWATANKUASA

1. Keahlian jawatankuasa hendaklah terdiri daripada penduduk yang bermaustatin dalam kawasan perumahan berkenaan dan berumur tidak kurang 18 tahun.
2. Keahlian jawatankuasa hendaklah berbilang kaum dan tidak tertumpu pada satu kaum sahaja (melainkan 90% penduduk di kawasan tersebut di diami oleh kaum tertentu sahaja).
3. Perlantikan jawatankuasa dibuat 2 tahun sekali.

7. YURAN DAN KEWANGAN

1. Tiada yuran keahlian boleh dikenakan.
2. Kutipan yuran keahlian hanya dibolehkan bagi persatuan yang berdaftar (ROS)

8. KEKERAPAN MESYUARAT

1. Mesyuarat hendaklah diadakan 6 kali setahun dan salinan laporan mesyuarat hendaklah diberikan kepada Majlis Perbandaran Kluang.

9. PERKARA-PERKARA YANG BOLEH DIBINCANGKAN DI DALAM MESYUARAT

1. Perkara-perkara yang tidak melibatkan / berunsur politik.
2. Perkara-perkara yang melibatkan :
 - a. Aktiviti sosial
 - b. Aktiviti sukan
 - c. Aktiviti keselamatan
 - d. Aktiviti kebajikan
 - e. Aktiviti pelajaran
 - f. Aktiviti ekonomi
 - g. Aktiviti kemasyarakatan
 - h. Aktiviti pembangunan
 - i. Aktiviti alam sekitar
 - j. Aktiviti landskap
 - k. Aktiviti keceriaan
 - l. Aktiviti kebersihan



MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

JALAN KOTA TINGGI
86000 KLUANG, JOHOR.
Tel : 07-7771401 Faks : 07-7713209

BORANG PENDAFTARAN JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP-MPK)

Jawatankuasa / Taman :

Ahli Majlis / Zon :

Maklumat Pengerusi :

Nama :	
No. Kad Pengenalan:	Alamat Surat-Menyurat :
No. Tel (Rumah) :	
No. Tel (Bimbit) :	

Maklumat Kemudahan Awam Sedia Ada :

Jumlah Surau :	Jumlah Sek. Ren. Kebangsaan :	Lain-Lain Kemudahan :
Jumlah Balai Raya :	Jumlah Sek. Ren. Agama :	
Jumlah Tadika :	Jumlah Sek. Menengah :	

Maklumat Komposisi Penduduk :

Bangsa Melayu :	Bangsa Cina :	Bangsa India :	Lain-Lain :
-----------------	---------------	----------------	-------------

Tandatangan Pengerusi :

Tarikh :

.....

.....

Untuk Kegunaan Pejabat / Urusetia :

Tarikh Borang Diterima:	Cop Terima :
-------------------------	--------------

SENARAI MAKLUMAT AHLI JAWATANKUASA

Nama Ahli Majlis / Zon : _____

Nama Pengerusi : _____

Senarai Nama Ahli Jawatankuasa (AJK)

BIL	NAMA	JAWATAN	NO. TELEFON

Tandatangan Pengerusi dan Cop

Tandatangan Ahli Majlis dan Cop :

.....

.....

Saya dengan ini menyokong
permohonan penubuhan
Jawatankuasa Penduduk
sebagaimana di atas.

Tarikh :